



## KENYATAAN AKHBAR SAMBUTAN JUBLI PERAK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DAN PELANCARAN *RAILWAY ASSETS INTELLIGENCE SYSTEM (RAILS)*

---

**PUTRAJAYA, 18 Sept 2017** – Selepas 25 tahun ditubuhkan, fungsi dan peranan Perbadanan Aset Keretapi (*Railway Assets Corporation - RAC*) menjadi semakin penting ditambah dengan perkembangan pesat sektor keretapi negara.

Ini dapat dilihat melalui dasar *Multiple Railway Operator (MRO)* oleh pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan pelaksanaan perjanjian *Railway Network Access Agreement (RNAA)* di antara RAC dan operator tunggal yang menggunakan aset dan infrastruktur Keretapi milik Kerajaan iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Pada tahun 2018, landskap RAC dijangka akan mengalami perubahan apabila RNAA mula dilaksanakan. Perjanjian tersebut yang dibuat di antara RAC dan KTMB telah ditandatangani pada 22 Disember 2016 bagi menjelaskan penggunaan aset milik RAC.

Perjanjian ini bermatlamat untuk menyelesaikan pelbagai isu berkaitan RAC dan KTMB terutama mengenai pemilikan aset dan harta tanah keretapi, penyelenggaraan tanah, bangunan kereta api dan infrastruktur, novasi perjanjian pinjaman KTMB kepada RAC dan *rolling stock*. Perjanjian ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2018.

Apabila perjanjian ini diimplementasikan kelak, peranan dan tanggungjawab RAC sebagai agensi pemilik dan pelaksana dalam pemajuan sektor rel di negara ini akan lebih jelas.

Untuk rekod, penubuhan RAC adalah serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menjadi KTMB hasrat ini melalui pemansuhan Ordinan Keretapi 1948.

Melalui penggubalan Akta Keretapi 1991, segala harta kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu KTMB.

Selain bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi harta-harta kereta api, RAC turut mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh pentadbir KTM berjumlah RM1.73 bilion bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa bebanan hutang.

Aspek pengurusan harta tanah yang dibuat oleh RAC melibatkan dua *core business utama* iaitu pengurusan tanah dan aset kereta api yang melibatkan penyewaan dan pajakan serta pembangunan tanah dan infrastruktur kereta api melalui kaedah penswastaan dan *land swap*.

*Railway Assets Intelligence System* (RAILS) yang dibangunkan oleh RAC, merupakan aplikasi bersepadu bagi tujuan pengurusan aset yang melibatkan permohonan dan pembayaran sewa secara dalam talian. Selain itu, pembangunan sistem yang bernilai RM1.5 juta ini turut dilengkapi dengan modul penyelenggaraan aset, pengurusan aduan dan pemantauan prestasi aset.

Dengan adanya RAILS, orang awam yang berminat mengadakan jalinan perniagaan dengan Perbadanan ini boleh mengemukakan permohonan penyewaan dan pajakan secara dalam talian yang mana cara ini telah diamalkan oleh semua agensi Kerajaan dan terbukti lebih mudah serta menjimatkan masa.

Selain untuk kegunaan luaran, sistem ini juga menampung keperluan dalaman untuk kegunaan warga kerja RAC. RAILS membolehkan data-data mengenai aset dan infrastruktur keretapi disimpan secara sistematik bagi memudahkan akses oleh warga RAC.

## **PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)**

**14 SEPTEMBER 2017**